JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN, RUJU', KHIDMAT NASIHAT DAN KURSUS PRA PERKAHWINAN SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4 NEGERI PULAU PINANG

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM , JHEAIPP
10 NOVEMBER 2021

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

جابتن حال إحوال اكام اسلام ڤولاو ڤينڠ

JHEAIPP.KP.100-1/9/2 ( )

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN, RUJU', KHIDMAT NASIHAT DAN KURSUS PRA PERKAHWINAN SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4 DI NEGERI PULAU PINANG

TARIKH KEMASKINI : 10 NOVEMBER 2021

1. Tujuan

1.1 Arahan ini dikeluarkan berikutan daripada pengumuman terbaharu oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 di Negeri Pulau Pinang.

1.2 Arahan ini terpakai sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 berkuatkuasa di Negeri Pulau Pinang.

1.3 Arahan ini bertujuan untuk memastikan keperluan perundangan dan prosedur kerja selamat berkaitan COVID-19 dipatuhi oleh pekerja serta pelanggan yang hadir berurusan berkaitan NCR, Khidmat Nasihat dan Kursus Pra Perkahwinan di JHEAIPP dan Pejabat Agama Daerah (PAD).

2. Punca Kuasa

2.1 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

2.2 Kaedah-Kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

2.3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

2.4 Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

(PELAN PEMULIHAN NEGARA – FASA 4 SOP KEAGAMAAN, PERKAHWINAN DAN PENGEBUMIAN ISLAM)

2.5 Arahan semasa yang dikeluarkan oleh Pejabat SUK Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

3. Prosedur Pekerja/Pelanggan di Premis JHEAIPP / Pejabat Agama Daerah (PAD)

3.1 Prosedur Am

3.1.1 Setiap orang/pelanggan yang hendak memasuki premis JHEAIPP / Pejabat Agama Daerah (PAD) digalakkan memakai pelitup muka.

3.1.2 Mematuhi penjarakan fizikal, mempraktikkan tidak bersalaman dan kerap mencuci tangan sama ada menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer.*

3.1.3 Melaporkan diri kepada petugas keselamatan / pegawai bertanggung-jawab dan rekod kehadiran.

3.1.4 Menjalani pengukuran suhu badan.

3.1.5 Sesiapa yang *Person Under Investigation* (PUI) atau mempunyai gejala COVID-19 atau terdiri daripada kluster yang disenaraikan oleh KKM atau dipercayai mempunyai pendedahan kepada orang yang telah dijangkiti COVID-19 tidak dibenarkan masuk ke premis JHEAIPP/ PAD.

3.1.6 Kriteria Individu Yang Dibenarkan Hadir

Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria – kriteria berikut:

i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Comirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke – 14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau

ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

- Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

- Individu yang telah lengkap menerima vaksin Covid-19 adalah digalakkan untuk mempamerkan sijil digital melalui aplikasi My Sejahtera.

3.2 Saringan Gejala dan Pengukuran Suhu Badan

3.2.1 Setiap orang hendaklah disaring oleh orang yang dilatih, dilengkapi dengan pelitup muka/pelindung muka.

3.2.2 Sesiapa dengan suhu badan 37.5°C atau lebih, tidak dibenarkan masuk dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula.

3.2.3 Sesiapa yang disaring dan mempunyai gejala COVID-19 tidak dibenarkan masuk dan perlu dilaporkan kepada majikan/pegawai yang dipertanggungjawabkan.

3.2.4 Pengukuran suhu dan saringan gejala dilakukan kepada pekerja, pelawat dan pelanggan setiap hari sebelum dibenar masuk ke dalam premis JHEAIPP/ PAD.

3.2.5 Majikan di JHEAIPP/PAD hendaklah menggunakan aplikasi MySejahtera atau merekod secara manual kemasukan pekerja, pelanggan atau pelawat ke dalam premis.

3.2.6 Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks perlu memastikan hanya pelanggan dengan status "Low Risk" termasuk "Casual Contact Low Risk" dalam MySejahtera atau Kad Vaksinasi COVID – 19 dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing - masing.

3.3 Prosedur Khusus

3.3.1 Prosedur khusus yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

i- Pelanggan/Pihak yang terlibat hendaklah membuat janji temu dengan JHEAIPP / PAD terlebih dahulu bagi mendapatkan tarikh dan waktu untuk semua urusan NCR serta majlis akad nikah.

ii- Pihak yang terlibat dalam semua urusan NCR serta majlis akad nikah mestilah:

a. Lengkap 2 dos vaksin;

b. tidak mempunyai sebarang gejala;

c. bukan kontak rapat kes positif Covid-19 atau yang di bawah Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah (HSO);

d. bukan dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD); dan

e. pengantin lelaki, pengantin perempuan dan wali adalah diwajibkan untuk menjalani 'swab test' terlebih dahulu. Keputusan ujian yang disahkan negative hendaklah diserahkan kepada PAD sebagai bukti untuk membolehkan majlis akad nikah diadakan.

4. Perkhidmatan Kaunter NCR

4.1 Perkhidmatan kaunter bagi semua urusan dan bayaran di PAD **dibuka pada setiap hari** mulai **jam 8.00 pagi hingga jam 4.00 petang.**

4.2 Senarai nombor telefon PAD seperti berikut:

Bil	Pejabat	No. Telefon
1	PAD (SPT) Seberang Perai Tengah	**04-5386451**

2	PAD (SPS) Seberang Perai Selatan	**04-5821001**
3	PAD (SPU) Seberang Perai Utara K.Batas	**04-5751182**
4	PAD (SPU) Seberang Perai Utara Butterworth	**04-3511521**
5	PAD (TL) Timur Laut	**04-2612979**
6	PAD (BD) Barat Daya	**04-8668525**

5. Permohonan Berkahwin

5.1 Permohonan kebenaran berkahwin boleh dikemukakan di semua PAD.

5.2 Borang permohonan lengkap dan diisi secara dalam talian (*online*) sahaja yang akan diterima dan diproses segera.

5.3 Pasangan yang telah mendapat kelulusan berkahwin di dalam Negeri Pulau Pinang hendaklah mendapatkan **tarikh dan masa** dari Pejabat Agama Daerah (PAD) yang berkenaan untuk tujuan akad nikah.

6. MAJLIS AKAD NIKAH

6.1 Syarat-syarat

Syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

a. Mendapat Kebenaran Berkahwin

Pelaksanaan Majlis Akad Nikah dalam tempoh PPN dibenarkan kepada pasangan yang telah mendapat Kebenaran Berkahwin daripada Pejabat Agama Daerah (PAD);

b. Majlis akad nikah juga diperluaskan kepada pemohon luar Negeri Pulau Pinang yang telah mendapat kebenaran JAIN masing-masing;

c. Keputusan Saringan Ujian HIV kedua-dua pasangan masih dalam tempoh sahlaku semasa akad nikah dijalankan.

6.2 Aktiviti dan Protokol

6.2.1 Lokasi Majlis

Upacara pernikahan (akad nikah) Islam dibenarkan **di Pejabat Agama Daerah / masjid / surau atau premis premis persendirian** dengan syarat mendapat kebenaran daripada PTA Daerah dengan jumlah kehadiran tetamu mengikut ketetapan pihak JHEAIPP / PAD.

6.2.2 Pihak-pihak yang terlibat mestilah:

a. Mematuhi tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Pendaftar / Penolong Pendaftar NCR (PPPPROI); dan

b. Pendaftar / Penolong Pendaftar NCR (PPPPROI) boleh membatalkan majlis akad nikah tersebut sekiranya pihak-pihak terlibat gagal hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

6.2.3 Sanitasi ruang majlis dan kawasan sekitarnya hendaklah dilakukan termasuk tandas sebelum dan selepas majlis dijalankan.

6.2.4 Jamuan

Majlis kenduri dan resepsi tidak dibenarkan.

6.2.5 Fotografi

Aktiviti fotografi dibenarkan semasa Majlis Pernikahan tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

6.3 Selamat dari risiko jangkitan Covid-19

6.3.1 Kesemua yang terlibat dengan upacara pernikahan diwajibkan membuat *'swab test'* kendiri sebelum akad nikah dilaksanakan.

6.3.2 Pihak PAD / Masjid / surau hendaklah memastikan setakat yang praktik kaedah keluar dan masuk dari tempat akad nikah adalah selamat dan tanpa risiko jangkitan COVID-19.

6.3.3 Susun atur majlis akad nikah hendaklah mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter / berpandukan SOP terkini yang diluluskan oleh MKN / pihak berkuasa agama negeri.

6.3.4 Tidak dibenarkan berjabat tangan antara jurunikah dengan pengantin lelaki serta antara semua pihak yang terlibat dalam majlis akad nikah.

6.3.5 Hanya mas kahwin dan dokumen-dokumen yang berkaitan sahaja dibenarkan berada di dalam ruang majlis.

6.3.6 Mempraktikkan amalan sanitasi kebersihan yang optimum pada masa majlis akad dengan terlebih dahulu mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer);

6.3.7 Memakai pelitup muka (face mask) semasa majlis akad nikah;

6.3.8 Mempraktikkan penjarakan fizikal (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter bagi setiap orang yang hadir dalam majlis akad nikah;

6.3.9 Tidak dibenarkan sebarang upacara seperti upacara membatalkan air sembahyang, sarung cincin, bersalaman antara satu sama lain selepas Majlis Akad Nikah.

6.4 Jumlah Kehadiran

Jumlah kehadiran (5 orang) mengikut Rukun Nikah dan tetamu bagi majlis akad nikah **adalah berpandukan kepada SOP Pejabat Agama / Masjid / Surau** pada suatu masa.

5 Orang mengikut Rukun Nikah adalah seperti berikut:

- pengantin lelaki atau wakilnya (1),
- pengantin perempuan (1),
- wali (1),
- dua orang saksi (2) dan;
  (Saksi boleh dilantik daripada kakitangan PAD)
- ayah atau ibu pengantin lelaki.

6.5 Tempoh Masa Majlis Akad Nikah

Tempoh pelaksanaan majlis akad nikah **tidak melebihi 50 minit**.

6.6 Jumlah pasangan pengantin yang diterima untuk diakadnikahkan sama ada di Pejabat Agama / Masjid / Surau adalah mengikut kekosongan jadual **pihak Penolong Pendaftar Perkahwinan Perceraian dan Rujuk Orang Islam (PPPPROI).**

6.7 Bagi pasangan pengantin yang tidak dapat hadir ke upacara pernikahan (akad nikah) atas faktor kesihatan, **boleh melantik dan mewakilkan kepada seorang wakil untuk menerima nikah bagi pihaknya**.

6.8 Borang wakalah pengantin perlu diisi dengan lengkap dan dihantar serta diterima oleh Pendaftar/PPPPROI sebelum majlis akad nikah dilaksanakan.

6.9 Pendaftar/PPPPROI perlu membuat catatan rekod yang terperinci mengenai perlaksanaan majlis tersebut.

6.10 Pihak-pihak yang terlibat perlu mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasaan berhubung kawalan penularan wabak penyakit.

6.11 Bidang Kuasa Ketua Pendaftar NCR Negeri Pulau Pinang

i. Ketua Pendaftar NCR boleh menetapkan apa-apa syarat tambahan yang difikirkan perlu bagi membolehkan majlis berjalan dengan lancar dan teratur.

ii. Ketua Pendaftar NCR/Pendaftar boleh membatalkan mana-mana majlis akad nikah yang tidak mematuhi tatacara majlis akad nikah yang telah ditetapkan atau apa juga arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.

7. Urusan Daftar Perkahwinan

Semua permohonan pendaftaran perkahwinan dalam dan luar negeri boleh dikemukakan dan berjalan seperti biasa.

8. Urusan Daftar Perceraian

Semua permohonan pendaftaran perceraian **dilaksanakan seperti biasa.**

9. Urusan Pendaftaran Ruju'

i. Semua urusan pendaftaran ruju' **dilaksanakan seperti biasa di semua Pejabat Agama Daerah Negeri Pulau Pinang.**

ii. Pasangan yang ingin melafazkan **ruju'** dalam tempoh (PPN) Fasa 4, hendaklah hadir serta melaporkan kepada Pendaftar di Pejabat Agama Daerah.

iii. Pendaftar/PPPPROI hendaklah memastikan kesahihan perceraian dan baki 'iddah isteri terlebih dahulu serta mencatatkan di dalam buku rekod sebelum membenarkan suami melafazkan ruju' yang telah disahkan perceraiannya oleh pihak Mahkamah.

10. Urusan Cabutan Sijil Perakuan Nikah, Cerai dan Ruju'

Urusan permohonan cabutan dan pengesahan salinan NCR dilaksanakan seperti biasa.

11. Khidmat Nasihat

11.1 Khidmat nasihat secara bersemuka dilaksanakan seperti biasa berdasarkan temujanji dengan Pegawai Khidmat Nasihat.

11.2 Khidmat nasihat secara dalam talian menerusi e-mel tetap **dibuka**.

11.3 Khidmat nasihat menerusi telefon mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang melalui talian khas yang disediakan.

11.4 Aduan kekeluargaan melalui e-mel yang lengkap beserta nombor telefon akan dijawab oleh Pegawai Khidmat Nasihat dengan menetapkan masa dan tarikh untuk dihubungi.

11.5 **Senarai alamat emel dan Talian Khas**

Jika terdapat sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan masalah rumahtangga atau perlukan khidmat nasihat boleh hubungi talian yang disediakan seperti berikut:

BIL.	PEJABAT	E-MEL	TALIAN KHAS
1.	JHEAIPP (Ibu Pejabat)	khidmatnasihat@penang.gov.my	014-2614773 011-26814773
2.	PAD Timur Laut	khidmatnasihatdtl@penang.gov.my	011-72617974 011-40449645 011-11148559
3.	PAD Barat Daya	khidmatnasihatdbd@penang.gov.my	011-3777363 013-4032498 016-4620027 012-2887420
4.	PAD SPU (Butterworth)	khidmatnasihatbtwh@penang.gov.my	011-62449353 019-4506213 010-8311383 018-4690016
5.	PAD SPU (Kepala Batas)	khidmatnasihatkb@penang.gov.my	010-5138993 010-3808996 010-8056735 011-53330056
6.	PAD Seb. Perai Tengah	khidmatnasihatspt@penang.gov.my	018-4012762 013-2113672 013-2852810 010-5431426
7.	PAD Seb. Perai Selatan	khidmatnasihatsps@penang.gov.my	011-29672071 011-29672074 011-29672076 011-29672067

12. Kursus Praperkahwinan Islam

12.1 Kursus Praperkahwinan Islam secara bersemuka akan dibuka sepenuhnya bermula Januari 2022.

12.2 Urusan bayaran yuran penyertaan dan pengambilan kit kursus boleh dilakukan di kaunter PAD pada setiap hari bekerja.

13. Tarikh Kuatkuasa

Berkuatkuasa mulai 11 November 2021M (Khamis) bersamaan 6 Rabiulakhir 1443H.

Arahan:

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Tarikh dikeluarkan: 10 November 2021M / 5 Rabiulawal 1443